

26/07/2000

Peristiwa di Sauk bukan soal anti bukan Islam: PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Peristiwa Sauk harus dilihat sebagai perbuatan jenayah oleh satu kumpulan yang tidak disokong kerajaan atau orang Islam lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, kejadian itu adalah perbuatan jenayah oleh kumpulan Al-Ma'unah dan tidak harus dilihat sebagai pembunuhan terhadap orang bukan Islam.

"Sesetengah orang di Sarawak marah kerana orang Iban dibunuh oleh orang Islam dan kita terangkan bahawa ini bukan soal Islam menyerang orang Iban tetapi perbuatan jenayah oleh satu kumpulan yang tidak disokong kerajaan ataupun orang Islam lain.

"Kita perlu menjelaskan kepada rakyat semua bahawa ini bukanlah soal orang Islam menjadi anti orang bukan Islam," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini.

Pada 2 Julai lalu, sekumpulan 15 lelaki menyamar dan lengkap berpakaian celoreng tentera yang kemudian dikenal pasti sebagai ahli kumpulan Al-Ma'unah melarikan pelbagai jenis senjata api dari pos tentera dan Kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik sebelum berkubu di Sauk.

Kumpulan itu juga membunuh Sarjan Detektif Sagadevan, anggota polis Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Kangsar dan Prebet Matthew anak Medan, komando dari Kem Terendak, Melaka yang dijadikan tebusan.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, beliau dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberikan penjelasan terperinci mengenai peristiwa Sauk di mesyuarat itu bagi mengelak salah faham bahawa kejadian itu perbuatan berasaskan ajaran Islam.

Katanya, parti komponen akan turut memberi penjelasan kepada anggota parti serta rakyat mengenai peristiwa Sauk kerana salah faham mengenai kejadian itu sedikit sebanyak menimbulkan kekeliruan dan kemarahan rakyat.

"Kita sendiri tidak bersetuju dengan tindakan ini, kita tidak sokong mereka dan kita percaya bahawa Islam tidak menyuruh kita melakukan penindasan ke atas bukan Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, wakil parti komponen turut membangkitkan beberapa soalan berhubung peristiwa itu dan mereka berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan serta berjanji memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan untuk menangani masalah itu.

Beliau menegaskan, peristiwa itu tidak mengugat hubungan antara parti-parti komponen BN. Mereka cuma ingin tahu apa sebenarnya berlaku supaya dapat meredakan perasaan marah serta keliru di kalangan rakyat.

Ditanya sejauh mana peristiwa Sauk memberi kesan kepada rakyat, Perdana Menteri berkata ia sedikit sebanyak menimbulkan salah faham di kalangan orang bukan Islam.

"Tetapi kita jelaskan, ini bukanlah satu tindakan yang disokong oleh kerajaan walaupun kita sedar ada orang Islam tertentu yang cuba mempertahankan perbuatan ini dengan memberi pelbagai alasan," katanya.

Bagaimanapun katanya, parti pembangkang cuba mengambil kesempatan terhadap isu itu dalam usaha memecahbelahkan BN.

(END)